

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, JANUARI 2024

NILAI JUALAN JAN. 2024: RM142.4b.

Jan. 2024: **5.4%** | Dis. 2023: 4.8%

INDEKS VOLUM JAN. 2024: 152.3 mata

Jan. 2024: **3.5%** | Dis. 2023: 3.4%

Perdagangan Borong

Nilai Jualan

Jan. 2024: **RM63.7b. | 5.5%**
Dis. 2023: **RM62.9b. | 4.4%**

Indeks Volum

Jan. 2024: **4.0%**
Dis. 2023: **3.4%**

Perdagangan Runcit

Nilai Jualan

Jan. 2024: **RM61.1b. | 2.6%**
Dis. 2023: **RM62.4b. | 5.0%**

Indeks Volum

Jan. 2024: **1.4%**
Dis. 2023: **3.6%**

Kenderaan Bermotor

Nilai Jualan

Jan. 2024: **RM17.6b. | 16.0%**
Dis. 2023: **RM18.6b. | 5.9%**

Indeks Volum

Jan. 2024: **12.1%**
Dis. 2023: **3.9%**

DISEMBER 2023

-0.8%

**INDEKS VOLUM
PELARASAN MUSIM
(BULANAN)**

JANUARI 2024

-0.9%

KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

Perdagangan Borong

Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong

Dis. 2023: 6.2% | Jan. 2024: 8.3%

Jualan Borong Barangan Isi Rumah

Dis. 2023: 5.3% | Jan. 2024: 2.9%

Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau

Dis. 2023: 1.4% | Jan. 2024: 4.6%

Perdagangan Runcit

Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan

Dis. 2023: 6.3% | Jan. 2024: 2.2%

Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Barangan Lain

Dis. 2023: 5.8% | Jan. 2024: 4.9%

Jualan Runcit di Kedai Khusus yang Menjual Peralatan Lain Isi Rumah

Dis. 2023: 5.9% | Jan. 2024: 3.3%

Kenderaan Bermotor

Jualan Kenderaan Bermotor

Dis. 2023: 4.4% | Jan. 2024: 20.9%

Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor


Dis. 2023: 10.9% | Jan. 2024: 11.9%

Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor

Dis. 2023: 12.3% | Jan. 2024: 12.4%

Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum
Perdagangan Borong & Runcit



Jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 5.4 peratus kepada RM142.4 bilion pada Januari 2024

- Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencatatkan nilai jualan berjumlah **RM142.4 bilion**, meningkat **5.4 peratus** tahun ke tahun pada Januari 2024. Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulanan, nilai jualan jatuh **-1.1 peratus** berbanding Disember 2023. Peningkatan sebanyak **5.4 peratus** tahun ke tahun bagi Perdagangan Borong & Runcit pada Januari 2024 dipacu oleh subsektor Perdagangan Borong yang meningkat **5.5 peratus** atau **RM3.3 bilion** kepada **RM63.7 bilion**. Kenderaan Bermotor juga berkembang dengan mencatatkan **16.0 peratus** atau **RM2.4 bilion** kepada **RM17.6 bilion**, diikuti oleh Perdagangan Runcit dengan pertumbuhan **2.6 peratus** atau **RM1.5 bilion** untuk berada pada **RM61.1 bilion**.
- Pertumbuhan **5.5 peratus** tahun ke tahun bagi Perdagangan Borong pada bulan ini disumbangkan oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong yang meningkat **RM1.8 bilion** atau **8.3 peratus** kepada **RM24.0 bilion**. Ini diikuti oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (**4.6%**), Jualan Borong Barangan Isi Rumah (**2.9%**), Jual Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (**4.2%**), Jualan Borong Jentera, Peralatan & Bekalan (**4.5%**), Perdagangan Borong Tanpa Pengkhususan (**4.3%**) dan Jual Borong Berdasarkan Kontrak atau Yuran (**2.1%**). Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Borong kembali mencatatkan pertumbuhan positif iaitu **1.2 peratus**.
- Kenaikan **16.0 peratus** tahun ke tahun bagi subsektor Kenderaan Bermotor pada Januari dipacu oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang melonjak **20.9 peratus** atau **RM1.6 bilion** untuk merekodkan **RM9.3 bilion**. Ini diikuti oleh Jualan Komponen & Aksesori Kenderaan Bermotor (**11.9%**), Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor (**12.4%**) dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal (**5.4%**). Sebaliknya, bagi perbandingan bulanan, subsektor ini menguncup **-5.1 peratus**.
- Pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak **2.6 peratus** bagi subsektor Perdagangan Runcit disokong oleh Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan yang tumbuh **4.9 peratus** atau **RM0.6 bilion** kepada **RM12.9 bilion**. Kumpulan lain dalam subsektor ini turut merekodkan pertumbuhan positif iaitu Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan (**2.2%**), Jualan Runcit Barangan Isi Rumah (**3.3%**), Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau (**6.2%**), Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan (**1.0%**), Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi (**1.1%**), Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (**0.7%**) dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar (**2.0%**). Walau bagaimanapun, bagi perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini merosot **-2.1 peratus**.
- Bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit pada Januari 2024 mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak **3.5 peratus**. Pengembangan ini disumbangkan oleh semua subsektor iaitu Kenderaan Bermotor (**12.1%**), Perdagangan Borong (**4.0%**) dan Perdagangan Runcit (**1.4%**). Bagi indeks volum pelarasan musim, ia jatuh **-0.9 peratus** bulan ke bulan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

